

AXCEL EVILINE FORTE SUSPENSION

Magnesium Hydroxide/ Aluminium Hydroxide/ Simethicone (400mg/ 400mg/ 40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Eviline Forte Suspension.
2. Bagaimana Axcel Eviline Forte Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Eviline Forte Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Eviline Forte Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Eviline Forte Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Eviline Forte Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Eviline Forte Suspension

Axcel Eviline Forte Suspension merupakan anti-asid/pengeluar gas dari saluran pencernaan untuk merawat:

- Ulser perut.
- Masalah pencernaan.
- Pedih ulu hati dalam *hiatus hernia* atau kehamilan.
- Perut kembung.
- Gastritis esofagistis (keradangan lapisan esofagus).
- Situasi lain di mana kelebihan asid atau kembung mungkin berlaku.

Bagaimana Axcel Eviline Forte Suspension berfungsi

Axcel Eviline Forte Suspension adalah anti-asid berfungsi untuk mengelakkan dan melegakan kesakitan gastrik dan ulser duodenum dan refluks gastrointestinal dengan meneutralkan asid hidroklorik dalam rembesan gastrik.

Sebelum menggunakan Axcel Eviline Forte Suspension

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Eviline Forte Suspension jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada komponen dalam produk ini.

- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi yang bertaualiah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Eviline Forte Suspension

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubat, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Anda menghadapi hipofosfatemia (tahap fosfat yang rendah dalam darah) dan kerosakan fungsi buah pinggang.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin berinteraksi dengan Axcel Eviline Forte Suspension anda:

- Tetracycline (antibiotik digunakan untuk merawat jangkitan).
- Vitamin.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Eviline Forte Suspension dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Eviline Forte Suspension

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

Satu 5ml sudu penuh diambil selepas makan atau semasa simptom berlaku.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Eviline Forte Suspension mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Eviline Forte Suspension

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Eviline Forte Suspension.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berkongsi Axcel Eviline Forte Suspension dengan orang lain, walaupun mereka

AXCEL EVILINE FORTE SUSPENSION

Magnesium Hydroxide/ Aluminium Hydroxide/ Simethicone (400mg/ 400mg/ 40mg)

mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan semasa trimester pertama mengandung.
- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang banyak.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Eviline Forte Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Tahap fosfat yang rendah dalam darah dan air kencing.
- Sindrom kekurangan fosfat.
- Tahap magnesium yang rendah dalam darah.
- Rasa loya, muntah-muntah dan sembelit.
- Halangan usus dan peningkatan kekerasan najis.
- Kesan katarsis (mempercepatkan pembuangan air).
- Kerosakan saraf, saraf otot dan kardiovaskular.
- Pengalkalian air kencing.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Eviline Forte Suspension

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Eviline Forte Suspension dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Eviline Forte Suspension yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Eviline Forte Suspension adalah larutan berwarna putih dengan perisa pudina.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:

Magnesium Hydroxide,
Aluminium Hydroxide dan
Simethicone.

- Bahan Tidak Aktif:

Refined Sugar, Methylparaben,
Propylparaben, saccharin Sodium,
Peppermint Oil, Xanthan Gum,
Sorbitol, Propylene Glycol dan
Purified water.

-Nombor MAL

MAL19911461X

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

03/04/2018

Serial number

NPRA(R4/1)200318/00077